


## ULASAN BUKU

**Anita Abdul Rahim**

***Jenayah Kanak-kanak dan Undang-undang Malaysia, 2013, 309 halaman, ISBN 978-983-46-0792-0.***

Pengulas: *Shamsuddin Suhor*  
sudin@ukm.my

Fakulti Undang-Undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia



Buku *Jenayah Kanak-kanak dan Undang-undang Malaysia* secara umum membicarakan hubung kait dua perkara, iaitu jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak dan pendekatan undang-undang apabila melibatkan jenayah kanak-kanak. Walau bagaimanapun, keseluruhan buku ini didapati menceritakan tiga perkara penting yang melibatkan kanak-kanak. Pertama, tentang keterlibatan kanak-kanak dalam melakukan kesalahan khususnya kesalahan jenayah, seperti bunuh dan menyebabkan kematian; kedua, menjelaskan unsur penting dalam menentukan tanggungan jenayah kanak-kanak, iaitu sama ada kanak-kanak yang melakukan jenayah berkenaan bersalah atau tidak serta pengecualian terhadap tanggungan terhadap jenayah berkenaan; dan ketiga mengenai pertimbangan undang-undang dalam menentukan jenis hukuman yang sesuai bagi kesalahan yang telah dilakukan oleh kanak-kanak.

Buku yang setebal 309 halaman dan mengandungi tujuh bab ini berjaya mendekati orang ramai memahami isu perundangan yang berkisar mengenai rangkaian hubungan tiga penjuru, iaitu kanak-kanak, jenayah dan undang-undang. Buku ini banyak memberikan jawapan kepada persoalan penting, seperti siapakah yang dikategorikan sebagai kanak-kanak; adakah kanak-kanak dilindungi oleh undang-undang negara ini sekiranya mereka melakukan kesalahan dan jika ada perlindungan atau pertimbangan terhadap kanak-kanak, sejauh manakah perlindungan ini diberikan terhadap mereka dan seterusnya adakah perlindungan itu mutlak atau bersyarat? Bilakah seseorang kanak-kanak itu mula dipertanggungjawabkan terhadap sesuatu perbuatan salah yang telah dilakukannya? Apakah yang dimaksudkan dengan tanggungan jenayah? Pada peringkat umur berapakah bermulanya tanggungan jenayah seseorang kanak-kanak? Adakah kemungkinan kanak-kanak itu dimaafkan oleh undang-undang itu sendiri terhadap apa-apa kesalahan jenayah yang telah dilakukan? Akhirnya disentuh juga dalam buku ini mengenai apakah bentuk hukuman yang sesuai yang ditetapkan oleh

undang-undang terhadap kanak-kanak yang melakukan jenayah di negara ini? Semua persoalan ini diberikan jawapannya melalui bab demi bab secara jelas dan dibincangkan dengan terperinci berdasarkan kedudukan undang-undang yang ada dan terpakai di negara ini dan ada kalanya dibandingkan dengan beberapa peruntukan perundangan luar Negara.

Bab 2 di bawah tajuk “Kanak-kanak menurut Kaca Mata Undang-undang Jenayah di Malaysia” menjelaskan bagaimana undang-undang menetapkan siapakah yang dikategorikan sebagai kanak-kanak dengan meletakkan umur seseorang itu sebagai ukuran yang membezakan seseorang itu kanak-kanak atau orang dewasa. Beberapa takrif yang dipetik daripada sumber tertentu dan terkini, seperti kamus dan statut dari dalam dan luar negara turut dimuatkan untuk menjelaskan siapakah kanak-kanak dari sudut bahasa dan perundangan. Menurut sejarah yang dipaparkan dalam buku ini suatu ketika dahulu kanak-kanak di negara ini dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu kanak-kanak, juvana dan orang muda. Perkembangan terkini sebagaimana disebutkan dalam buku ini bahawa kanak-kanak merupakan mana-mana orang yang berumur di bawah lapan belas tahun.

Setelah memahami siapakah kanak-kanak berdasarkan umur, kemudian dinyatakan pula bahawa umur kanak-kanak juga penting dalam menentukan sama ada seseorang kanak-kanak itu boleh dipersalahkan atau tidak atas apa-apa perbuatan jenayah yang telah mereka lakukan. Jika dilihat secara perbandingan antara perbuatan salah yang dilakukan oleh seorang kanak-kanak dengan perbuatan salah yang dilakukan oleh seorang dewasa, sebenarnya tidak ada beza dari segi undang-undang sekiranya perbuatan salah yang sama yang dilakukan kanak-kanak dan orang dewasa itu merupakan suatu perbuatan jenayah di bawah undang-undang bertulis di Negara ini. Buku ini menyebutkan bahawa yang membezakan antara kedua-duanya hanyalah layanan undang-undang atau pendekatan perundangan terhadap dua kategori penjenayah berkenaan. Maksudnya, jika seorang kanak-kanak yang melakukan jenayah, perbuatan itu dianggap sebagai suatu perbuatan nakal, manakala jika dilakukan oleh seorang dewasa, perbuatan tersebut merupakan suatu kejahatan. Soal kenakalan kanak-kanak turut dibincangkan dalam buku ini.

Kenakalan merupakan sesuatu yang semula jadi dalam diri setiap kanak-kanak dan harus dibentuk dan dikawal oleh undang-undang. Kenakalan kanak-kanak perlu dibentuk pada peringkat awal lagi oleh keluarga melalui pendekatan bukan perundangan. Buku ini menjelaskan bahawa undang-undang juga turut mengenakan pengawasan terhadap tingkah laku kanak-kanak secara perundangannya. Sama ada kanak-kanak atau orang dewasa, undang-undang menggunakan konsep tanggungan jenayah. Bab 1 bertajuk “Konsep Tanggungan Jenayah Kanak-Kanak” menjelaskan tentang pengertian dan maksud tanggungan jenayah kanak-kanak dengan memasukkan perbincangan

yang melibatkan unsur kesalahan jenayah, seperti niat jahat atau *mens rea* dan perbuatan atau ketinggalan jenayah atau *actus reus*. Undang-undang akan terus mencari niat sebenar seorang kanak-kanak ketika dia melakukan jenayah berkenaan. Adakah kerana kenakalan atau kejahatan? Perkara ini disentuh dengan sempurna dalam Bab 1, dan setelah dijelaskan unsur yang penting dalam menentukan sesuatu perbuatan jenayah kanak-kanak tergolong sebagai perbuatan salah, buku ini kemudiannya membincangkan pula persoalan bilakah seorang kanak-kanak itu mula dipertanggungjawabkan atas perbuatan jenayah yang telah dilakukannya.

Bab 3 di bawah tajuk “Umur bagi Tanggungan Jenayah Kanak-kanak” membangkitkan isu sama ada perbuatan jenayah seorang kanak-kanak boleh dipersalahkan dan dikenakan tanggungan jenayah atau tidak. Dalam hal ini dijelaskan bahawa keadaan ini bergantung pada umur seseorang itu khususnya kanak-kanak berkenaan tatkala melakukan perbuatan salah yang dilakukan itu. Umur merupakan salah satu faktor penentu yang penting yang mesti dilihat menurut ketetapan perundangan dan buku ini telah menjelaskan bahawa tahap umur bagi tanggungan jenayah kanak-kanak adalah berbeza-beza antara negara. Hal ini dapat dilihat melalui perbandingan yang dibuat antara negara, seperti Australia, China (Hong Kong), England, India, Kanada dan juga Malaysia yang masing-masing telah menetapkan umur tertentu mengikut apa yang difikirkan sesuai berdasarkan pertimbangan negara berkenaan. Perbezaan dari segi umur yang ditetapkan ini bukanlah suatu yang asing kerana setiap negara mempunyai alasannya yang tersendiri seperti yang dijelaskan dalam Bab 3 ini. Di Malaysia umur bermulanya tanggungan jenayah bagi kanak-kanak ialah sepuluh tahun.

Perbincangan mengenai umur ini diteruskan dalam Bab 4 dan Bab 5. Bab 4 bertajuk “Kanak-kanak yang Mendapat Perlindungan Mutlak di Bawah Undang-undang Malaysia” menyebutkan bahawa kanak-kanak di bawah umur sepuluh tahun dikecualikan sepenuhnya daripada tanggungan jenayah dan kanak-kanak dalam kategori ini dikenali sebagai *doli incapax*. Bab 5 pula di bawah tajuk “Kanak-kanak yang Mendapat Perlindungan Bersyarat dalam Undang-undang” menyebutkan bahawa kanak-kanak yang berusia antara sepuluh tahun ke atas tetapi di bawah dua belas tahun masih diberikan perlindungan oleh undang-undang, tetapi perlindungannya bersyarat. Undang-undang menetapkan bahawa tanggungan jenayah kanak-kanak pada peringkat umur ini tertakluk pada syarat tertentu, iaitu tahap kematangan mereka. Kes yang dibawa dan dibincangkan dalam buku ini menunjukkan bahawa undang-undang tidak memberikan sebarang perlindungan lagi bagi mana-mana penjenayah kanak-kanak sekiranya kanak-kanak berkenaan sudah mencapai tahap kematangan yang melepasi ujian tertentu. Buku ini telah membincangkan dengan panjang lebar mengenai ujian *mischievous discretion*. Suatu ujian yang digunakan dalam menentukan tahap kematangan

seseorang kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah. Suatu perbincangan yang menarik.

Secara umumnya, masih ada rasa belas kasihan dan pertimbangan tertentu yang diberikan oleh undang-undang terhadap kanak-kanak. Bab awal menjelaskan bahawa kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah tetap mendapat perlindungan mutlak di bawah undang-undang sekiranya mereka berusia di bawah sepuluh tahun dan masih juga diberikan perlindungan bersyarat sekiranya berusia di bawah dua belas tahun dan belum matang. Oleh itu, kanak-kanak yang berusia lebih daripada dua belas tahun, sudah matang dan terlibat dengan jenayah, undang-undang tidak memberikan sebarang perlindungan berdasarkan faktor usia dan kematangan kerana mereka sudah melewati batasan perlindungan undang-undang yang ada. Sungguhpun demikian, buku ini telah menyebutkan bahawa ada ruang yang diberikan oleh undang-undang untuk melindungi kanak-kanak antara dua belas tahun dengan lapan belas tahun.

Buku ini melalui Bab 6 di bawah tajuk “Jenayah Rogol dan Seksual oleh Kanak-Kanak” menyentuh tentang perlindungan tertentu bagi kesalahan tertentu yang melibatkan kanak-kanak yang di bawah umur lapan belas tahun. Perlindungan diberikan berdasarkan jenis kesalahan yang dilakukan, iaitu perbuatan yang melibatkan jenayah seksual khususnya pertuduhan terhadap kesalahan rogol. Menurut bab ini, terdapat anggapan undang-undang yang tidak boleh dipatahkan, iaitu kanak-kanak yang berusia di bawah tiga belas tahun tidak berupaya melakukan rogol berdasarkan Akta Keterangan 1950. Oleh itu, kanak-kanak tidak boleh dituduh di bawah kesalahan rogol, tetapi tidaklah bermakna mereka tidak berkeupayaan untuk melakukannya. Suatu perlindungan mutlak bagi kanak-kanak di bawah tiga belas tahun terhadap suatu pertuduhan rogol sahaja, tetapi masih boleh dituduh dengan perbuatan gangguan seksual yang lain.

Dijelaskan dalam buku ini, mana-mana perbuatan salah yang dikategorikan sebagai jenayah dan kesalahan jenayah berkenaan telah dilakukan oleh kanak-kanak merupakan suatu jenayah dan setiap jenayah telah dikenakan hukumannya, jika sabit kesalahan. Dalam hal ini, kanak-kanak yang melakukan jenayah tetap akan dihukum. Hukuman bagi pesalah kanak-kanak dibincangkan dengan baik dalam Bab 7 di bawah tajuk “Jenis-jenis Hukuman bagi Kanak-kanak yang Melakukan Jenayah di Malaysia”. Bab ini menyenaraikan jenis hukuman yang pernah dikenakan terhadap pesalah kanak-kanak sebagaimana yang telah diputuskan oleh mahkamah di Malaysia. Kanak-kanak boleh dihukum atau boleh dijatuhi hukuman berdasarkan pemakaian prinsip tanggungan jenayah. Prinsip tanggungan jenayah sebagaimana yang disebutkan pada awal bab dalam buku ini meletakkan niat jahat (*mens rea*) dan perbuatan atau ketinggalan (*actus reus*) dalam menentukan sama ada seseorang kanak-kanak itu

bertanggungjawab terhadap jenayah ataupun tidak. Bersalah atau tidak bagi kanak-kanak kemudiannya disandarkan pada umur dan kematangannya serta perlindungan tertentu yang dibenarkan oleh undang-undang sepertimana yang disebutkan dalam Bab 4 dan Bab 5 buku ini.

Bab 7 ini menyebutkan satu per satu jenis hukuman yang diperuntukkan berdasarkan undang-undang atau statut yang ada di negara ini. Hukuman tersebut disenaraikan bermula dengan hukuman yang paling ringan sekali seperti amaran dan melepaskan kanak-kanak; dilepaskan setelah menyempurnakan bon berkelakuan baik; diletakkan dalam pemeliharaan orang yang layak; membayar denda, pampasan atau kos; suatu perintah percubaan; dihantar ke sekolah yang diluluskan atau sekolah Henry Gurney; sebatan; penjara dan hinggalah kepada hukuman mati. Turut diselitkan tentang kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak yang boleh membawa kepada hukuman mati seperti perbuatan yang mengancam keselamatan negara, bunuh dan memiliki senjata api. Sebelum itu telah disebutkan bahawa hukuman mati tidak dibenarkan oleh undang-undang di negara ini untuk dijalankan terhadap kanak-kanak sebaliknya mengenakan hukuman alternatif, iaitu ditahan di penjara selama satu tempoh yang diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri. Ternyata dalam dunia perundangan yang melibatkan kanak-kanak undang-undang masih ada belas ehsan terhadap mereka dan perlindungan sewajarnya masih diberikan.

Buku *Jenayah Kanak-kanak dan Undang-undang Malaysia* ini dianggap berjaya mencapai tujuan yang dikehendaki oleh penulis, iaitu membincangkan peruntukan undang-undang di Malaysia berkaitan dengan jenayah kanak-kanak, di samping menjelaskan tentang hukuman yang bakal ditanggung oleh kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah serta mendedahkan pengetahuan undang-undang kepada orang ramai. Buku ini mudah difahami dan sangat jelas. Walaupun buku ini agak khusus kepada suatu perkara sahaja, iaitu jenayah kanak-kanak, mesej dapat disampaikan dalam bentuk penceritaan yang tersusun dan membolehkannya diterima sebagai satu bacaan umum tanpa menyedari buku ini merupakan bahan yang berlatarbelakangkan perundangan.